

APLIKASI PEMIKIRAN KRITIS DALAM TAKHRIJ AL-HADITH

Oleh:

Mohd Fauzi Bin Hamat *

Mohd Sobri Bin Ellias **

Abstract

The science of *takhrij al-hadith* has been identified by hadith scholars as a contemporary methodology in evaluating the source of information transmitted by the *rijal* of hadith. It has also been compiled to confine the effort from anti hadith movement among the Islamic community. Basically in Islam, it is indeed very important that any fatwa and any scholarly works in Islam should be based on original and reliable sources of information. We intend to show here that there was several instrument of critical thinking in this particular science that has been used by hadith scholar to evaluate the hadith precisely. Hence, this article presents a brief analysis related to the instruments of critical thinking that has been derived from this kind of science like analytical, synthesis and making judgement as they are one of the important mechanisms in this science and also to prove that all the hadith using by muslim nowadays has been clearly filtered before it was permissible to be used as second sources in Islam all over the world.

Pendahuluan

Ilmu tentang pentakhrijan hadith atau *ilm takhrij al-hadith* adalah suatu ilmu yang disusun oleh para ulama hadith bagi menentukan kedudukan sesuatu hadith dari segi kuat dan lemahnya dan membendung penuluran hadith-hadith *mawdu'*¹ atau palsu yang telah direka oleh golongan-golongan

* Mohd Fauzi Hamat, PhD. Profesor Madya di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

** Mohd Sobri Ellias, Calon PhD dan Pembantu Penyelidik di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

¹ Hadith *mawdu'* (dari sudut terminologinya: ia adalah hadith yang direka dan diada-adakan terhadap Rasulullah s.a.w.). Selain ianya adalah merupakan seburuk-buruk hadith *da'if*, ia juga haram untuk dijadikan hujah sama ada dalam bidang akidah mahupun dalam bidang perundangan Islam. Aktiviti Pemalsuan Hadith ini telah bermula sejak tahun 41 H, ketika pemerintahan Khalifah 'Uthmaniyyah keempat, iaitu Sayyidina 'Ali *karramallahu wajhah*. Para ulama telah menghuraikan sebab-sebab timbulnya hadith palsu. Di antaranya ialah:

1. Pertelingkahan politik, misalnya golongan *al-Rafidah* yang banyak mereka-reka hadith untuk kepentingan kumpulan mereka.
2. Perbuatan golongan yang membenci Islam, iaitu pemimpin-pemimpin atau individu-individu yang telah kehilangan kuasa dalam pemerintahan Islam.
3. Ketaksuban terhadap bangsa, kabilah, bahasa, negeri dan imam.
4. Penciptaan kisah dan riwayat oleh mereka yang tidak segan menggunakan nama Rasulullah s.a.w untuk menarik manusia supaya mendengar cerita-cerita mereka.
5. Pertelingkahan mazhab dan fahaman; iaitu pertikaian pendapat dan pandangan dalam sesuatu masalah fiqh atau ilmu kalam
6. Kejahilan terhadap Islam tetapi mempunyai niat yang baik terhadap agama. Ini berlaku terhadap sesetengah *mutasawwif* (golongan yang mengaku dirinya dari kalangan ahli sufi)
7. Tindakan mengampu untuk mencari nama dan pangkat di sisi raja oleh sesetengah golongan.

Di antara kitab-kitab khusus yang memuatkan hadith-hadith palsu ini adalah *al-Mawdu'at*, karangan Abu al-Faraj 'Abd al-Rahman bin. Al-Jawzi. Untuk keterangan lanjut, lihat Subhi al-Salih, Dr. (1959), *'Ulum al-Hadith wa Mustalahuh: 'Ard wa Dirasat, Beirut*: Dar al-'Ilm li al-Malayin, cet. 1, h. 263-271; Muhammad 'Ajjaj al-Khatib, Dr. (1988), *al-Sunnah qabla al-Tadwin*, Kaherah: Maktabah Wahbah, cet. 2, h. 189; Abdul Halim El-

tertentu secara halus dalam masyarakat Islam. Didapati dalam kandungan ilmu ini beberapa unsur pemikiran kritis yang dijadikan instrumen untuk menilai sesuatu hadith. Unsur-unsur seperti kemahiran menganalisis dan menilai sesuatu maklumat dijadikan asas utama yang membentuk rumusan ilmu ini dengan tujuan untuk menyelesaikan masalah pemalsuan hadith yang berlaku dalam masyarakat Islam atau membuat keputusan tentang kedudukan hadith-hadith tersebut. Dalam makalah ini akan dibentangkan unsur-unsur tersebut bagi membuktikan bahawa ilmu ini boleh dijadikan asas sandaran hujah bahawa hadith-hadith yang diamalkan oleh majoriti umat Islam kini telah melalui satu proses tapisan yang cermat dan teliti sebelum ia layak dijadikan sebagai sumber rujukan kedua umat Islam di seluruh dunia.

Pemikiran Kritis: Huraian Konseptual

Konsep ‘pemikiran’ lazimnya dirujuk kepada proses atau perihal berfikir² yang antara tujuan utama proses tersebut dilakukan adalah untuk menyelesaikan masalah atau membuat keputusan dengan berpaksikan kepada asas-asas pertimbangan yang betul dan tepat. Menurut J.A. Phillips, sebilangan pakar telah bersetuju iaitu, secara umum ‘pemikiran’ ialah sebagai satu proses yang melibatkan pengolahan operasi-operasi mental yang tertentu yang bertindak dalam minda seseorang dengan tujuan bagi menyelesaikan masalah dan/atau membuat keputusan. Menurutnya lagi, operasi-operasi mental inilah yang dikatakan “kemahiran berfikir” yang bertindak ke atas maklumat yang diterima melalui deria-deria individu³.

Istilah pemikiran kritis pula telah diberikan beberapa definisi oleh pelbagai pihak, khususnya tokoh-tokoh sarjana Barat seperti John Dewey, Edward Glaser, Michael Scriven dan lain-lain lagi. Michael Scriven menyatakan “*critical thinking is skilled and active interpretation and evaluation of observations and communications, information and argumentation*”⁴. John Arul Phillips dalam menjelaskan pemikiran kritis menyebut bahawa seorang yang berfikir secara kritis mampu menilai asas-asas yang terdiri daripada idea, cadangan, tindakan dan penyelesaian. Seseorang yang berfikir secara kritis juga mampu membuat penilaian sama ada hendak menerima sesuatu alasan itu sebagai munasabah ataupun tidak. Oleh itu, berfikir secara kritis didapati mampu menggalakkan individu bersikap teliti dan cermat dengan menganalisis sesuatu pernyataan dengan berhati-hati dan mencari bukti yang sah sebelum memutuskan sebarang keputusan⁵.

Berfikir secara kritis dari segi konsepnya melibatkan jaringan makna seperti berfikir secara serius, berfikir secara mendalam bagi membuat sebarang pertimbangan, membuat analisis, sintesis dan penilaian teliti terhadap sesuatu, pemikiran reflektif untuk memutuskan sama ada sesuatu itu patut diterima atau ditolak, berfikir secara holistik dengan melihat masalah dari berbagai-bagai dimensi, juga berfikir secara cekap bagi menilai kemunasabahan dan kewajaran sesuatu idea⁶. Kemahiran ini amat diperlukan khususnya dalam menginterpretasi sesuatu fakta dan menilai sesuatu pemerhatian dan maklumat yang diperolehi oleh seseorang, Bassham menjelaskan maknanya secara lebih lengkap seperti berikut:

“critical thinking is the general term given to a wide range of cognitive skills and intellectual dispositions needed to effectively identify, analyze, and evaluate arguments and truth claims, to discover and overcome personal prejudices and biases, to formulate and

Muhammady (1992), *Islam dan al-Hadith : Dialog Bersama Kassim Ahmad ; Satu Analisis ke atas Usaha-usaha Merosakkan Peribadi dan Autoriti Rasulullah s.a.w.*, (t.t.p), Angkatan Belia Islam (ABIM), cet. 2, h. 113.

² Kamus Dewan (2007), edisi keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 411

³ John arul Phillips (1997), *Pengajaran Kemahiran Berfikir: Teori dan Amalan*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, h. 72.

⁴ Fisher, Alec (202), *Critical Thinking: An Introduction*, United Kingdom: Cambridge University Press, h. 11.

⁵ John Arul Phillips (1997), *op. cit.*, h. 84.

⁶ Mohd Azhar Ab. Hamid (2001), *Pengenalan Pemikiran Kritis dan Kreatif*, Skudai: Penerbit Universiti Teknologo Mara (UTM), h. 94-95; Mohd Michael Abdullah (1995), *Pemikiran Kritis*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 2-3.

*present convincing reasons in support of conclusions, and to make reasonable, intelligent decisions about what to believe and what to do*⁷.

Walaupun ramai yang tampil dalam mengemukakan pelbagai versi definisi tentang pemikiran kritis adalah terdiri daripada para sarjana Barat, namun dari segi konsepnya, ia tidak bertentangan secara total dengan konsep berfikir yang disarankan oleh *al-Qur'an* dan *al-Sunnah*. Terdapat sejumlah ayat-ayat *al-Qur'an* yang secara tuntas menggalakkan umat manusia supaya berfikir⁸. Namun, titik perbezaan di antara konsep berfikir umat Islam dan konsep berfikir yang diamalkan oleh golongan bukan Islam adalah; Islam meletakkan wahyu sebagai rujukan utama dalam menentusahkan sama ada sesuatu itu baik ataupun buruk, manakala golongan bukan Islam pula semata-mata meletakkan akal atau etika dan moral ahli masyarakatnya sebagai ukuran dalam menilai positif atau negatifnya sesuatu perkara.

Dalam kalangan ilmuwan Islam, tokoh seperti al-Qaradhawi tidak menggunakan istilah 'pemikiran kritis atau *'al-tafkir al-naqdi'*, sebagaimana yang telah diungkapkan oleh al-Qarni⁹, namun beliau lebih cenderung menggunakan istilah 'akal/minda ilmiah' (*al-'aqliyyah al-'ilmiyyah*)¹⁰. Istilah 'akal/minda ilmiah' yang digunakan oleh al-Qaradawi ini adalah 'akal/minda ilmiah' yang bertentangan dengan 'akal/minda awam' (*al-'aqliyyah al-'amiyyah*) atau minda/akal khurafat (*al-'aqliyyah al-khurafiyah*) yang membenarkan segala apa yang dikata orang atau dikemukakan kepadanya, tanpa memeriksa kebenarannya dengan teliti, bahkan diterimanya dengan mudah, apatah lagi kalau ia datang daripada nenek moyang, pemimpin atau pembesar mereka¹¹.

Muhammad Mahran menggunakan istilah 'pemikiran khurafat' (*al-tafkir al-khurafi*) bagi merujuk kepada orang yang memiliki budaya berfikir seperti ini, sebagaimana yang dimiliki oleh orang-orang jahiliyyah sebelum kedatangan Islam¹². Pola berfikir mereka bukan bersifat pemikiran yang bersistematik atau berdisiplin (*al-tafkir al-munazzam*)¹³ dan pola berfikir kritis' kerana seorang pemikir kritis tentu sekali perlu memiliki corak berfikir yang sistematik. Memandangkan konsep pemikiran kritis adalah turut merujuk kepada pemikiran secara bersistematik, pada penulis, istilah yang lebih tepat ialah pemikiran yang berneraca atau (*al-tafkir al-mizani*). Istilah ini adalah lebih tepat dengan penggunaan istilah di dalam *al-Qur'an*. Al-Ghazali menerusi kitabnya *al-Qistas al-Mustaqim* turut menggunakan istilah ini ketika beliau mengeluarkan beberapa asas neraca berfikir daripada *al-Qur'an* bagi menolak neraca berfikir yang dipegang oleh golongan Syi'ah yang berpegang kepada konsep imam yang sentiasa terpelihara daripada dosa (*imam ma'sum*) yang bertentangan secara total dengan neraca berfikir *al-Qur'an*.

Berdasarkan kepada beberapa definisi yang dikemukakan di atas, dapat dirumuskan bahawa konsep pemikiran kritis melibatkan beberapa kemahiran berfikir yang bersifat makro dan mikro, sebagaimana yang terserlah dalam beberapa versi definisi yang dikemukakan di atas. Kemahiran makro pemikiran kritis ini boleh dirumuskan berdasarkan taksonomi Bloom yang menyimpulkan bahawa pemikiran kritis melibatkan tiga jenis aktiviti mental, iaitu analisis, sintesis dan penilaian. Kebolehan menilai ialah asas kepada pemikiran kritis; iaitu menilai kesahihan sesuatu maklumat atau perkara. Ini kerana istilah 'kritis' itu sendiri merujuk kepada 'suatu sifat yang dimiliki oleh seseorang

⁷ Bassam, Greg, et.al. (2002), *Critical Thinking*, USA: Mc Graw-Hill Companies, Inc., h. 1.

⁸ Sila rujuk *al-Qur'an*: al-Baqarah (02): 219, 242 dan 266, al-'Imran (03): 118, al-An'am (06): 50 dan 32, al-'Araf (07): 184 dan 169, Yusuf (12): 109, al-Mu'minun (23): 80, al-Nur (24): 61, al-Rum (30): 08, al-Saffat (37): 137-138, al-Hadid (57): 17.

⁹ Al-Qarni, 'Iwad ibn Muhammad, Dr. (1418 H.), *Hatta la Takun Kallan*, Jeddah: Dar al-Andalas al-Khadra, h. 93.

¹⁰ Al-Qaradawi, Yusuf, Dr. (1996), *al-'Aql wa al-'Ilm fi al-Qur'an al-Karim*, Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 249.

¹¹ *Ibid.*

¹² Muhammad Mahran Rasywan (2004), *Dirasat fi al-Mantiq 'inda al-'Arab*, Kaherah: Dar Quba' li al-Tiba'ah wa al-Nasyr wa al-Tawzi', h. 194.

¹³ *Ibid.*

untuk berhujah, membuat kesimpulan dan juga mendatangkan suatu keputusan berdasarkan fakta atau maklumat yang telah dianalisis'¹⁴.

Berdasarkan beberapa versi definisi 'pemikiran kritis' tersebut, dirumuskan bahawa pemikiran kritis melibatkan elemen-elemen yang disebutkan di atas dan terfokus kepada beberapa isu utama iaitu untuk menganalisis sesuatu maklumat atau perkara, dan menilai sejauh mana maklumat tersebut boleh diterima sebagai maklumat yang benar dan boleh dipercayai. Ini adalah kerana istilah 'kritis' itu sendiri merujuk kepada "suatu sifat yang dimiliki oleh seseorang untuk berhujah, membuat kesimpulan dan juga mendatangkan suatu keputusan berdasarkan fakta atau maklumat yang telah dianalisis"¹⁵. Standard atau piawaian yang diambil kira dalam pemikiran kritis ialah elemen-elemen seperti kejelasan sesuatu argumen (*clarity*), ketepatan (*accuracy*), kesesuaian (*relevance*), kekonsisten dengan kebenaran (*consistency*), kelogikan (*logical correctness/logicalness*), pemikiran mendalam dan sempurna (*depth and breadth/completeness*), keadilan/objektif (*fairness*) dan kesignifikanan sesuatu argumen (*significance*)¹⁶.

Justeru, makalah ini akan cuba melihat sejauh mana kemahiran-kemahiran penting ini diterapkan dalam tradisi ilmu *takhrij al-hadith*, khususnya dalam menilai maklumat-maklumat kehadithan untuk menentukan sejauh mana sesuatu matan itu boleh diterima sebagai matan hadith atau sebaliknya. Tentunya ada kaedah-kaedah tertentu yang digunakan oleh para ulama untuk menentukan kedudukan tersebut dan tentunya juga tersirat di sebalik kaedah-kaedah tersebut beberapa kemahiran kritis yang diterapkan di dalamnya. Alangkah baiknya sekiranya dalam tradisi pengajian hadith, khususnya dalam pengajian ilmu *takhrij al-hadith*, unsur-unsur ini didedahkan kepada pelajar agar mereka bukan sahaja menguasai kemahiran tentang kaedah tersebut, tetapi juga menguasai kemahiran berfikir secara kritis yang terkandung di dalamnya.

Takhrij Al-Hadith: Sorotan Konseptual Dan Persejarahan

Pengajian ilmu hadith atau *ulum al-hadith* adalah suatu bidang pengajian yang penting dalam tradisi keilmuan Islam. Ia bertujuan untuk memelihara ketulenan dan keabsahan hadith-hadith yang menjadi sumber rujukan kedua selepas *al-Qur'an*. Oleh itu, tapisan dan penyaringan yang cermat terhadap hadith-hadith perlu dilakukan kerana selain daripada *al-Qur'an*, hadith-hadith yang dikumpulkan oleh imam-imam besar hadith, khususnya al-Bukhari dan Muslim turut membekalkan gugusan ilmu pengetahuan yang tepat tentang Islam¹⁷.

Lantaran itu, tidak hairanlah kalau tradisi ini didekati secara penuh dedikasi, akademik, cermat, objektif, berhati-hati dan penuh keikhlasan oleh para ilmuwan Islam yang terlibat dalam bidang tersebut. Kaedah-kaedah yang dibangunkan dalam disiplin ini adalah berdasarkan asas-asas pemikiran kritis yang tinggi dan ciri-ciri ini kadang kala gagal dipenuhi oleh sebilangan cendekiawan barat, sebagaimana yang dinyatakan oleh Khurram Jah Murad seperti berikut;

"Unfortunately scholarship, sincere and objective, is the only one thing that does not seem to have ever been employed in the study of hadith by a western scholar¹⁸.

¹⁴ Mohd Yusof Othman (1998), "Penjanaan Pemikiran Saintifik, Kritis dan Kreatif" dalam *PEMIKIR*, Oktober-Disember, h. 67-68.

¹⁵ *Ibid.*

¹⁶ *Ibid.*, h. 2-7. Lihat juga W. Paul, Richard & Elder, Linda (2002), *Critical Thinking*, New Jersey: Financial Times Prentice Hall, h. 97-108.

¹⁷ Tentang kedudukan ini, Yasin Dutton menulis;

"... knowledge of Islam, and thus Islamic law, is effectively restricted to a knowledge of the texts of the Qur'an and the *hadith*, in particular the collections of al-Bukhari and Muslim, although with some recognition of the other four of the 'Six Books', i.e. the collections of al-Tirmidhi, Abu Dawud, al-Nasa'i, and Ibn Majah, which are what are most commonly seen today as the main sources of Islamic law". Lihat Yasin Dutton (1993), "Sunna, Hadith, and Madinan 'Amal", *Journal of Islamic Studies* 4: 1 (1993) p 1.

¹⁸ Kata Pengantar Khurram Jah Murad, dalam Ahmad Don Denffer (1981), *Literature on Hadith in European Languages: A Bibliography*, Leicester: The Islamic Foundation, h. 6.

Salah satu ilmu penting yang dibangun oleh ilmuwan Islam berkaitan dengan ‘*ulum al-hadith*’ ialah kaedah pentakhrijan hadith atau *takhrij al-hadith*. *Takhrij* dari sudut bahasa adalah berasal daripada perkataan *خرج* yang membawa erti keluar¹⁹. Manakala jika dilihat pada kalimat *خرج* dan *أخرج* ia akan membawa kepada penghasilan nama terbitan disebut sebagai masdar iaitu *تخرج* dan *إخراج* yang membawa maksud mengeluarkan, menampakkan dan menzahirkan sesuatu²⁰. Manakala perkataan *al-hadith* dari segi etimologinya, ia membawa maksud sesuatu yang baharu. Dari segi istilahnya pula, *al-hadith* ditakrifkan sebagai ‘sesuatu yang disandarkan kepada Rasulullah s.a.w., sama ada yang terdiri dari kata-katanya, perbuatan, pengakuan, sifatnya’²¹ dan sejarah hidupnya²².

Dari itu, dapat dirumuskan bahawa terminologi *takhrij al-hadith* dirujuk kepada maksud, “menyandarkan sesuatu hadith dengan *isnad*nya kepada kitab-kitab hadith yang asal, serta menyatakan tentang kedudukannya setelah dikaji dan diperhatikan keadaannya dari segi sanad dan matannya²³, atau dalam bahasa yang lebih ringkas, dinyatakan maksud “*takhrij al-hadith*” sebagai “menyatakan sumber yang meriwayatkan hadith berdasarkan sanadnya (*bayan al-masadir allati rawat al-hadith bi sanadiha*)²⁴”. Dengan pengertian ini, istilah “*takhrij*” di sini bermaksud sesuatu yang dikeluarkan daripada hadith-hadith dengan (menyatakan) penyandarannya kepada kitab-kitab yang muktamad dan musnad-musnad ulama hadith²⁵ dan menerangkan kesahihannya atau sebaliknya (*ma yustakhraj min al-ahadith bi isnadiha min al-kutub al-mu`tamadah wa masanid al-muhaddithin wa bayan sihhatiha wa ghayriha*)²⁶. *Takhrij* juga termasuk apa yang dimuatkan oleh para muhaddithin mutaakhirin dari hadith-hadith yang telah dimuatkan oleh sekian tokoh-tokoh hadith yang terdahulu dalam karya mereka tetapi dengan sanadnya sendiri seperti yang telah dilakukan oleh al-Imam al-Dar Qutni (m. 385H), dalam karyanya dengan meriwayatkan hadith dari Abu Ishaq al-Naysaburi (m. 362H)²⁷.

Huraian ringkas tentang pengertian *takhrij al-hadith*, bukan sahaja boleh menjelaskan tasawur ilmu tersebut, tetapi juga kepentingannya sebagai satu mekanisme untuk menapis hadith-hadith yang tidak dikenalpasti siapa perawinya berdasarkan kaedah-kaedah tertentu yang digariskan oleh ulama. Kepentingan ilmu ini juga akan lebih difahami dengan lebih jelas jika ditinjau kepada latar belakang sejarah yang melatari kemunculan ilmu tersebut dalam dunia Islam.

¹⁹ Majma’ al-Lughah al-‘Arabiyyah (1425H/2004M), *al-Mu`jam al-Wasit*, Mesir: Maktabat al-Shuruq al-Dawliyyah, h. 224-225. Lihat juga Abu Muhammad ‘Abd al-Muhdi bin ‘Abd al-Qadir (t.t), *Turuq Takhrij Hadith Rasul Allah s.a.w*, Kaherah: Dar al-‘Itisam, h. 9.

²⁰ Muhammad Abu Layth al-Khayr Abadi, Dr. (2004), *Takhrij al-Hadith Nasy’atuh wa Manhajiyyatuh*, Kuala Lumpur: Dar al-Syakir, h. 6-7. Lihat juga Majd al-Din Muhamad bin Ya’kub al-Fayruz Abadi (1987), *Qamus al-Muhiith*, Beirut: Muassasah al-Risalah, h. 192.

²¹ al-Tahhan, Mahmud, Dr., *Taysir Mustalah al- Hadith*, Riyad: Maktabah al-Ma`arif, h. 15. Apa yang dimaksudkan dengan sifat Nabi ialah sifat-sifat kejadiannya dan sifat-sifat keperibadiannya, lihat Nur al-Din ‘Itr, Dr. (1997), *Manhaj al-Naqd fi`Ulum al- Hadith*. cet. 3, Beirut & Damsyik: Dar al-Fikr al-Mu`asir & Dar al-Fikr, h. 26.

²² Manna` al-Qattan (1989), *Tarikh al-Tasyri` al-Islami*. Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 72.

²³ Abu Bakr ‘Abd al-Samad b. Bakr Ali ‘Abid, Dr. (1422H), *al-Madkhal ila Takhrij al-Ahadith wa al-Athar wa al-Hukm ‘alaiha*, al-Madinah al-Munawwarah: (t.t.p), h. 13.

²⁴ Nur al-Din ‘Itr (1976), *Mu`jam al-Mustalahat al-Hadithiyyah* . Damsyiq: Matba`ah Jami`ah Dimasyq, h. 25.

²⁵ Maksudnya kitab yang dihimpunkan di dalamnya hadith-hadith, disusun secara tertib dan diletakkan bab-bab dengan sanadnya, misalnya Musnad Imam Ahmad; apa yang dikumpulkan di dalamnya musnad setiap sahabat secara satu persatu sama ada yang sahih ataupun yang lemah; juga digunakan untuk makna *isnad* (penyandaran sesuatu hadith kepada orang yang menyatakan hadith tersebut), misalnya *Musnad Shihab* dan *Musnad al-Firdaws* yang bermaksud sanad hadith kedua-dua mereka. ‘Ali Zuwayn, Dr. (1987), *Mu`jam Mustalahat Tawthiq al-Hadith*. Beirut: ‘Alam al-Kutub & Maktabah al-Nahdah al-‘Arabiyyah, h. 78.

²⁶ ‘Ali Zuwayn, *Ibid*, h. 19.

²⁷ Fauzi Deraman, (2001), “Ilmu Takhrij al-Hadith, Pengertian, Sejarah dan Kepentingannya”, *Jurnal Usuluddin*, Bil. 14 h. 58.

Dalam dunia Islam, aktiviti *takhrij al-hadith* telah berlangsung pada tiga kurun awal Islam iaitu dalam bentuk para *al-muhaddith* menyebut hadith beserta sanadnya sehingga sampai kepada Nabi Muhammad s.a.w., sama ada dengan mencatat dalam catatan atau karya mereka atau secara lisan yang disebut dalam *halaqat al-hadith* yang dikendalikan oleh tokoh-tokoh berkenaan²⁸ atau kedua-duanya sekali²⁹. Ini adalah peringkat asas dalam usaha pentakhrijan hadith. Ia diikuti dengan peringkat pemantapan, iaitu peringkat di mana seorang *al-muhaddith* memuatkan hadith yang diambil daripada tokoh sebelumnya dan ditakhrijkan hadithnya satu persatu dengan mengekalkan sanad tokoh tersebut, kemudian dirujuk sanad yang lain dari sanad tersebut dari kitab hadith yang lain, dan titik pertemuan antara sanad adalah pada guru tokoh yang pertama atau selepasnya, malah ada juga yang bertemu pada tingkatan para sahabat³⁰. Di peringkat ini, para *al-muhaddith* menggunakan istilah *istikhrāj*. Namun, menurut Abu Muhammad `Abd al-Muhdi, perkataan *istikhrāj* dan *takhrij* membawa pengertian yang sama menerusi kitabnya *Turuq Takhrij Hadith Rasul Allah s.a.w.*³¹.

Berikutnya adalah tahap di mana seorang *al-muhaddith* membuat koleksi hadith yang diriwayatkan oleh guru-gurunya, kemudian diteliti dan disemak tokoh sebelumnya yang meriwayatkan hadith tersebut seperti tokoh-tokoh dari kalangan pengarang-pengarang *al-Kutub al-Sittah*. Usaha ini telah diterajui oleh al-Imam al-Dar Qutni (m. 385H) dan sampai ke kemuncaknya iaitulah pada zaman al-Imam al-Bayhaqi (m. 485H)³². Terdapat sejumlah tokoh-tokoh *al-muhaddithin* dari kalangan *al-mutaa'khirin* yang telah terlibat dalam usaha ini selain daripada al-Imam al-Dar Qutni dan al-Imam al-Bayhaqi. Di antara mereka yang lain ialah Abu al-Fath Muhammad bin Ahmad Ibn Abi al-Fawaris al-Baghdadi (m. 412H), Abu Sa'id 'Ali bin Musa al-Naysaburi (m. 465H), Abu 'Abd Allah Husayn bin Ahmad Ibn al-Baqal (m. 477H), Abu Tahir Ahmad bin Muhammad bin Ahmad al-Asbahani (m. 576H) dan ramai lagi³³.

Tahap kemuncak kepada perkembangan 'ilm *takhrij al-hadith* ini adalah dengan terhasilnya sejumlah karya-karya yang dinamakan sebagai kitab *takhrij* yang telah wujud pada zaman kini. Kitab-kitab tersebut telah dikarang dengan berlandaskan metode yang sama iaitu; melakukan takhrij hadith terhadap hadith-hadith yang telah dimuatkan di dalam kitab tersebut dengan menyandarkannya kepada sumber asal pengambilan hadith tersebut serta turut dinyatakan sedikit atau secara ringkas perbincangan berkenaan taraf hadith tersebut dari sudut diterima (*validation*) atau ditolak (*nullification*). Usaha ini selanjutnya telah berkembang dengan begitu aktif dan pesat sehingga terhasilnya karya-karya *takhrij al-hadith* yang terdapat pada masa kini.

Berdasarkan kepada penelitian yang telah dibuat oleh Muhammad Abu al-Layth, jumlah karya-karya tersebut adalah sebanyak 36 buah, termasuk beberapa kajian yang telah sempurna dilakukan sebagai latihan ilmiah dalam bidang ini, samada latihan ilmiah tersebut dikemukakan pada peringkat sarjana mahupun doktor falsafah di beberapa institusi pengajian tinggi di Arab Saudi³⁴. Di antara kitab-kitab yang masyhur dalam dunia ilmu *Takhrij al-Hadith* ini adalah *Kitab Usul al-Takhrij wa Dirasat al-Asanid* karangan Dr. Mahmud al-Tahhan, *Takhrij al-Hadith: Nasya'tuhu wa Manhajyyatuh* karangan Dr. Muhammad Abu Laith al-Khair Abadi, *Kasyf al-Litham 'an Asrar Takhrij Hadith Sayyid al-Anam* karangan Dr. 'Abd al-Mawjud Muhammad 'Abd al-Latif, *al-Madkhal ila Takhrij al-Ahadith wa al-Athar wa al-Hukm 'Alayha* karangan Dr. Abu Bakr 'Abd al-Samad 'Ali 'Abid, *al-Ta'sil li Usul al-Takhrij* karangan Dr. Abu Bakr bin 'Abd Allah Abu Zayd, *Husul al-Tafrij*

²⁸ Di antara tokoh-tokoh yang mengendalikan halaqat-halaqat al-hadith adalah seperti Anas b. Malik, Abu al-Darda', Abu Waqid al-Laythi, 'Abd Allah b. 'Amr, 'Umar al-Khattab, Abu Musa al-Asy'ariy, Jabir b. 'Abd Allah, Ibn Syihab dan ramai lagi. Lihat Muhammad Mustafa al-A'zami (1985), *op.cit.*, j. 2, h. 329-333.

²⁹ *Ibid.*

³⁰ Fauzi Deraman (2001), *op. cit.*, h. 61; Lihat juga Abu Muhammad `Abd al-Muhdi (t.t), *op. cit.*, h. 10.

³¹ Abu Muhammad `Abd al-Muhdi bin `Abd al-Qadir (t.t), *op. cit.*, h. 9.

³² Muhammad Abu al-Layth al-Khayr Abadi, Dr. (1999), *op. cit.*, h. 26-27.

³³ *Ibid.*, h. 27-28.

³⁴ *Ibid.*, h. 29-36.

bi *Usul al-Takhrij* karangan Syaikh Ahmad bin Muhammad bin al-Siddiq al-Ghumari, dan banyak lagi³⁵.

Terdapat beberapa kaedah atau metode yang telah digariskan oleh para ulama dalam melakukan *takhrij* terhadap sesuatu hadith yang dikeluarkan. Antara metode dan kaedah yang boleh digunakan adalah dengan mengetahui *rawi al-hadith* yang paling tinggi (di kalangan sahabat) bagi sesuatu hadith tersebut, atau dengan mengenalpasti lafaz yang awal daripada matan hadith, atau dengan mengetahui kalimah yang jarang digunakan (*gharib al-hadith*) yang didapati daripada mana-mana bahagian daripada matan *al-hadith*, atau dengan menggunakan tajuk dan bab yang menyatakan hadith tersebut, atau dengan membuat penilaian terhadap perihai hadith tersebut dari sudut sanad dan matan, sama ada dilihat dari sudut jenis-jenis hadith ataupun kedudukan hadith seperti *sahih*, *hasan*, *da'if* dan sebagainya, ataupun melakukan *takhrij* dengan menggunakan kaedah *tatabbu'* dan *al-Istiqra'*; iaitulah dengan menjejaki sesuatu hadith itu dengan meneliti satu persatu daripada helaian kitab matan *al-hadith*, helaian demi helaian hingga akhir³⁶.

Berdasarkan huraian di atas, dapat dirumuskan bahawa *takhrij al-hadith* yang memfokuskan kepada aktiviti penyandaran hadith-hadith yang dilaporkan oleh seseorang perawi kepada sumber-sumber hadith yang berautoriti untuk menentukan kedudukan sesuatu hadith tersebut sama ada ia boleh digunapakai sebagai satu hadith yang sahih atau sebaliknya adalah berpanduan kepada kaedah-kaedah khusus yang telah digariskan oleh para ulama Islam. Ilmu ini telah melalui beberapa fasa perkembangan sehinggalah ia menjadi mantap sebagaimana kini. Dalam metode yang digunakan untuk mentakhrij sesuatu hadith, penelitian terhadap matan hadith dan juga sanad perawinya amat diberi perhatian. Ini bermakna proses penilaian secara kritis yang ditekankan dalam pemikiran kritis amat dititikberatkan dalam proses pentakhrijan ini. Justeru, syarat-syarat yang ditetapkan oleh para ulama dalam menentukan kewibawaan seseorang perawi dan kebolehterimaan sesuatu matan hadith yang dibincangkan dalam disiplin-disiplin lain dalam *'ulum al-hadith*, khususnya *'ilm rijal al-hadith*³⁷ dan *'ilm al-jarh wa al-ta'dil* perlu dikaitkan. Isu ini akan dibincangkan dalam perbincangan selanjutnya.

Aplikasi Pemikiran Kritis Dalam Ilmu Takhrij Al-Hadith

Jika diteliti maksud pemikiran kritis berasaskan konsep dan medan makna sebagaimana yang telah diterangkan sebelum ini, dapat dirumuskan bahawa bentuk pemikiran dinamik seumpama pemikiran kritis sememangnya wujud dalam kaedah pentakhrijan hadith. Ini adalah kerana, unsur penilaian secara kritikal terhadap sesuatu matan dan sanad hadith amat diberi penekanan. Seseorang individu perlu dididik supaya lebih cenderung membuat analisis yang jelas serta mendalam terhadap sumber pengambilan sesuatu hadith itu, di samping membuat penilaian secara mendalam sebelum menerima pakai sesuatu hadith. Pengamatan awal penulis menunjukkan bahawa elemen-elemen pemikiran kritis ini sememangnya telah diterjemahkan dalam disiplin pentakhrijan hadith, demi memastikan kesahihan serta keautoritian hadith tetap terpelihara di samping ianya merupakan alternatif yang signifikan dalam menangani polemik pemalsuan hadith dalam dunia Islam sejak zaman berzaman. Dalam huraian selanjutnya, penulis akan cuba menjelaskan sejauh mana instrumen-instrumen pemikiran

³⁵ *Ibid.*

³⁶ Untuk keterangan lanjut, sila rujuk Muhammad Abu al-Layth al-Khayr Abadi, Dr., (1999), *op. cit.*, h. 41-42; Abu Muhammad `Abd al-Muhdi bin `Abd al-Qadir (t.t), *op. cit.*, h. 15.

³⁷ Ilmu ini menilai kualiti perawi hadith dalam pemindahan hadith yang dibuat oleh mereka daripada seseorang perawi kepada perawi yang lain (*a science of evaluating the qualities of narrators of hadiths in their transmission of hadiths*). Iftikhar Zaman mengulas tentang kepentingan ilmu ini dalam menilai hadith seperti berikut;

“Evaluating the factual contents of hadiths with the use of such a science will lead to results which are much more reliable than any of the methods modern scholars have proposed for the study of hadiths”.

Untuk perbincangan lanjut tentang kedudukan *'ilm al-rijal* sebagai metode dalam kajian hadith, lihat Iftikhar Zaman (1994), “The Science of Rijal as a Method in the Study of Hadiths”, *Journal of Islamic Studies* 5:1 (1994) pp. 1-34.

kritis ini seperti kemahiran analitikal, kaedah berfikir secara objektif dan kemahiran membuat penilaian dijadikan etika dalam aktiviti pentakhrijan hadith.

Merujuk kepada kemahiran berfikir secara analitikal, Islam menerusi tradisi keilmuannya telah terlebih dahulu menyarankan umatnya supaya bersikap lebih analitikal serta teliti dari sudut pengambilan sumber sesuatu informasi sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini³⁸. Saranan ini kemudiannya telah diimplementasikan oleh para *al-muhaddith* secara berkesan tidak hanya ketika melakukan aktiviti penerimaan dan periwayatan hadith, bahkan ia juga turut menjadi etika penting dalam proses mentakhrij hadith. Di antara etika yang amat ditekankan oleh para *al-muhaddith* ketika melakukan *takhrij al-hadith* adalah keperluan bersikap teliti dalam mencari sumber asal yang menjadi sandaran sesuatu periwayatan hadith. Para tabi'in misalnya begitu menitikberatkan soal *isnad* dalam sesuatu periwayatan hadith. Sebagai contoh, *al-Zuhri* pernah berkata, "Tidak mungkin atap rumah dinaiki kecuali dengan menggunakan tangga (iaitu *isnad*)"³⁹. Berkaitan dengan *isnad* juga, Ibn al-Mubarak telah berkata, "Isnad itu termasuk agama. Sekiranya tidak ada *isnad*, nescaya sesiapa sahaja dapat mengatakan apa sahaja yang dikehendaknya"⁴⁰. Manakala Hisyam b. 'Urwah pula telah berkata, "Jika seseorang meriwayatkan hadith kepadamu maka tanyalah kepada orang tersebut, dari mana hadith itu" (merujuk kepada sumber hadith tersebut)⁴¹.

Demikianlah yang berlaku pada zaman tabi'en, *isnad* yang *muttasil* telah menjadi perhatian mereka sehingga setiap perawi hadith yang hendak meriwayatkan sesuatu hadith perlulah menjelaskan sumber hadith yang diriwayatkannya. Sebahagian daripada mereka telah mengibaratkan hadith yang diriwayatkan tanpa *isnad* adalah seumpama sebuah rumah tanpa atap dan tiang (العلم إن فاتته إسناد مسنده)

⁴² (كالبیت لیس له سقف ولا طنب). Ini menunjukkan bahawa, satu analisis terperinci akan dilakukan oleh seseorang individu yang terlibat dalam periwayatan hadith (*al-Muhaddith*) bagi melihat sandaran asal sesuatu periwayatan hadith itu serta menilai sejauhmanakah kesahihan sesuatu hadith tersebut (*appraise evidence and evaluate statements*)⁴³. Ini telah memperlihatkan betapa cermatnya para *al-muhaddith* dalam menyelidik dan menyiasat sumber sesuatu maklumat serta tidak mudah untuk cenderung menerima apa-apa yang telah di sampaikan oleh seseorang yang tidak dikenali latar belakangnya.

Di dalam *al-Qur'an* Allah S.W.T amat menekankan kepentingan menyelidik sesuatu perkara itu sebelum apa-apa keputusan dibuat mengenainya⁴⁴. Keputusan tersebut pula hendaklah tidak berdasarkan agakan serta andaian-andaian liar semata-mata tanpa membuat rujukan terhadap sumber-sumber primer lagi berautoriti. Ini amat mustahak dalam memastikan setiap hadith yang digunakan dalam mana-mana bidang sekalipun mempunyai sandaran dan rujukan pengambilannya kepada sumber-sumber yang boleh dipercayai dan dijamin ketepatan maklumatnya. Ini juga sebenarnya akan turut memastikan sama ada sesuatu hadith yang digunakan sebagai hujah benar-benar merupakan salah satu daripada sekian banyak hadith yang telah disabdakan oleh Rasulullah s.a.w ataupun ia hanya semata-mata hadith yang direka oleh puak-puak yang tertentu, seperti puak Syi'ah yang bertujuan untuk mencapai kepentingan-kepentingan tertentu sama ada yang bersifat peribadi, kumpulan atau aliran pemikiran yang diasaskan oleh mereka.

Sepatutnya, metode penyaringan hadith yang telah dipelopori oleh para *al-muhaddith* ini menjadi teladan dan contoh ikutan kepada umat Islam sebagai etika penerimaan maklumat masa kini.

³⁸ Lihat al-Qur'an, Surah al-Hujurat (49): 06.

³⁹ Muhammad 'Ajjaj al-Khatib, Dr. (1988), *al-Sunnah qabla al-Tadwin*, Kaherah: Maktabah Wahbah, cet. 2, h. 223.

⁴⁰ *Ibid.*

⁴¹ *Ibid.*

⁴² *Ibid.*, h. 226.

⁴³ Menilai bukti dan pernyataan (*appraise evidence and evaluate statements*) adalah salah satu kemahiran yang ditekankan dalam pemikiran kritis. Lihat Fisher, Alec (2001), *Critical Thinking an Introduction*, United Kingdom: Cambridge University Press, cet. 1, h. 7.

⁴⁴ Surah al-Hujurat (49): 6.

Ketetapan harus dibuat iaitu, sesuatu maklumat itu hanya akan diterima seandainya ia benar-benar datang atau bersumber dari seorang individu yang dari sudut latar belakangnya, masyhur dengan ketinggian keperibadiannya⁴⁵. Pendekatan ini amat selari dengan pendekatan yang telah digunakan oleh *al-muhaddith* melalui penghasilan ilmu kritikan sanad iaitu '*ilm al-jarh wa al-ta'dil*'⁴⁶. Terdapat dua intipati pemikiran kritis yang secara langsung wujud di dalam disiplin ilmu ini. Yang pertama adalah metode penganalisaan dan penilaian yang dilakukan secara mapan terhadap kelemahan serta kesalahan yang pernah dilakukan oleh seseorang perawi itu. Ini telah menjadi fokus kepada para *Muhaddith* bagi menentukan sama ada maklumat yang dibawanya itu dapat diterima atau sebaliknya. Metode ini telah dibincangkan secara panjang lebar dalam bahagian pertama ilmu tersebut iaitu pada bahagian *al-jarh*⁴⁷. Manakala metode yang kedua pula adalah metode penelitian serta penilaian terhadap kekuatan sesuatu perawi yang merangkumi kelebihan, keistimewaan serta kemuliaan seseorang perawi itu. Metode kedua ini telah menjadi fokus oleh para *Muhaddith* pada bahagian kedua ilmu tersebut iaitu pada bahagian *al-ta'dil*⁴⁸.

Aspek berfikir secara objektif turut ditekankan dalam aktiviti pentakhrijan hadith, di mana seseorang itu (orang yang melakukan *takhrij al-hadith*) juga perlulah bersikap objektif dalam menilai sesuatu hadith. Ciri objektif ini memang terkandung dalam sifat keadilan perawi yang begitu ditekankan dalam periwayatan hadith. Al-Imam al-Syafi'i telah meletakkan syarat '*adalah* sebagai syarat yang perlu diberi keutamaan dalam penerimaan sesuatu hadith'⁴⁹. Definisi berkenaan ciri '*adalah* ini telah disebutkan dalam perbincangan di atas. Ringkasnya seseorang perawi hadith tidak boleh dipengaruhi oleh sentimen keperibadian, sentimen bangsa dan kabilah melampau yang mempengaruhinya dalam membuat keputusan untuk menentukan kedudukan sesuatu hadith sama ada boleh diterima ataupun tidak. Jika etika ini diamalkan oleh perawi hadith, maka begitu juga sikap yang perlu diamalkan oleh seseorang yang terlibat dalam aktiviti pentakhrijan hadith. Keinginan untuk menegakkan aliran pemikiran yang didokongi tidak seharusnya menjadi faktor untuk secara mudah memperlemahkan hadith-hadith yang kuat atau untuk memperkuat hadith-hadith yang lemah. Sikap taksub kepada seseorang tokoh yang mendokongi sesuatu aliran yang diminati juga tidak sepatutnya menjadi faktor yang menggugat usaha pentakhrijan hadith secara berterusan. Ini adalah kerana, sikap bias terhadap mana-mana puak atas dasar kepentingan yang tertentu kelak akan menyebabkan sesuatu kebenaran tidak akan dapat dicungkil.

Islam menerusi keterangan wahyunya amat menekankan seseorang itu supaya bersikap objektif di dalam membuat penilaian terhadap sesuatu perkara⁵⁰. Sikap ini amat penting dibudayakan dalam masyarakat, khususnya dalam kegiatan keilmuan, termasuk dalam usaha pentakhrijan hadith.

⁴⁵ Menurut Syu'bah b. al-Hajjaj (160H), di antara syarat untuk diterima periwayatan atau perkhayaban adalah Islam, berakal, adil (*al-'adalah*) dan kuat ingatan (*al-dabt*). Lihat Subhi al-Salih, Dr. (1959), *op. cit.*, h. 126.

⁴⁶ '*Ilm al-jarh wa al-ta'dil* atau '*ilm mizan al-rijal* adalah suatu ilmu yang membahaskan perihal perawi dari sudut diterima atau ditolak periwayatan mereka ('*ilm allazi yubhathu fi ahwal al-ruwat min haythu qabul riwayatihim aw raddiha*). Terdapat ramai kalangan sahabat memperkatakan tentang ilmu ini sebelum ia dibukukan, antaranya ialah, Ibn 'Abbas, 'Ubadah b. al-Samit, dan dari kalangan *al-tabi'in* adalah Sa'id al-Musayyab. Pembukuan ilmu ini bermula pada kurun ke-3 Hijrah. Yahya b. Mu'in merupakan pelopor utama dalam pembukuan ilmu ini. Lihat Ahmad 'Umar Hasyim, Dr. (t.t), *al-Sunnah al-Nabawiyyah*, Kaherah: Maktabah Gharib, h. 364-365; A'jjaj al-Khatib, Dr. (1967), *Usul al-Hadith: 'Ulumuha wa Mustalahuh*, Lubnan: Dar al-Fikr al-Hadith, cet. 1, h. 261-262.

⁴⁷ Di antara ciri kelemahan seseorang perawi adalah seperti tidak 'adil dan melakukan perkara yang fasiq. Lihat Subhi al-Salih, Dr. (1959), *op. cit.*, h. 133.

⁴⁸ Di antara sifat perawi yang adil adalah istiqamah dalam urusan agama, terpelihara dari perkara-perkara fasiq dan terpelihara daripada perkara-perkara yang boleh menjatuhkan maruah. '*Adalah al-Rawi* atau keadilan perawi boleh diketahui menerusi dua cara; pertama, sifat '*adilnya* yang masyhur diketahui oleh orang ramai, kedua, pengesahan (*tazkiyyah*) tentang sifat adil seseorang perawi yang dibuat oleh individu lain yang juga '*adil*. Untuk keterangan lanjut sila rujuk, al-Razi, Abi Muhammad 'Abd al-Rahman b. Abi Hatim Muhammad b. Idris b. a-Mundhir al-Tamimi al-Hanzali (t.t), *al-Jarh wa al-Ta'dil*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Alamiyyah, j. 1, h. 1-3; lihat juga Subhi al-Salih, Dr. (1959), *op. cit.*, h. 129; Muhammad A'jjaj al-Khatib, Dr. (1967), *op. cit.*, h. 268.

⁴⁹ Manna' al-Qattan (1989), *Tarikh al-Tasyr'i al-Islami*, Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 79.

⁵⁰ Sila rujuk al-Qur'an: al-Nisa' (04): 58, al-Maidah (05): 08, al-An'am (06): 152, al-Nahl (16): 76.

Kecenderungan untuk tidak bersikap objektif dalam apa-apa juga kegiatan sebenarnya amat berkait rapat dengan faktor pengaruh hawa nafsu dan emosi yang menguasai seseorang manusia tanpa mengira apapun latar diri seseorang individu tersebut. Oleh itu, para sarjana telah membuktikan bahawa terdapat sejumlah hadith-hadith yang telah dipalsukan oleh puak-puak yang tidak bertanggungjawab semata-mata untuk memperlihatkan kepada orang ramai bahawa kebenaran itu adalah dimiliki oleh aliran-aliran yang diasaskan oleh mereka. Kesemua ini dilakukan semata-mata didorong oleh emosi semata-mata, di samping untuk meraih sokongan daripada orang awam terhadap puak atau kumpulan mereka.

Amir al-Sya'bi telah berkata, "Tidak ada seorangpun di antara umat ini yang didustakan seperti pendustaan yang telah dibuat ke atas Sayyidina 'Ali'"⁵¹. Al- Imam al-Syafi'e pula telah berkata bahawa "Saya tidak pernah melihat seorang yang berbohong lebih daripada Rafidhah"⁵². Manakala, Hammad b. Salamah pula telah berkata, "Seorang guru dari puak Rafidhah yang telah bertaubat telah meriwayatkan hadith kepadaku. Dia berkata, " jika kami (Rafidhah) berkumpul, kemudian kami menilai sesuatu itu baik, maka, kami menjadikannya sebagai hadith"⁵³.

Di dalam kitab *Nahj al-Balaghah*, Ibnu Abi al-Hadid telah berkata bahawa kegiatan pendustaan hadith berkaitan kelebihan-kelebihan (*fada'il*) telah mula-mula dilakukan oleh golongan Syi'ah. Pendustaan hadith ini dilakukan adalah disebabkan dorongan permusuhan terhadap musuh politik mereka pada ketika itu. Dalam masa yang sama pula, para pengikut fanatik Sayyidina Abu Bakr (yang dikenali sebagai *al-Bakriyyah*) turut memalsukan hadith-hadith mengenai keutamaan serta kelebihan Sayyidina Abu Bakr sebagai membalas semula tuduhan-tuduhan yang telah dilakukan oleh puak-puak Syi'ah ke atas Sayyidina Abu Bakr⁵⁴. Ketika al-Imam Malik ditanya tentang *al-Rafidah*⁵⁵ maka beliau menjawab, "jangan engkau berbicara kepada mereka dan jangan meriwayatkan hadith dari mereka kerana mereka berdusta"⁵⁶.

Di antara contoh pemalsuan yang telah dilakukan oleh mereka ialah:

وصي وموضع سري وخليفتي في أهلي وخير من أخلف بعدي-علي

Terjemahan;

"Penerima wasiatku, tempat rahsiaku, penggantikku dalam keluargaku, dan sebaik-baik orang yang menggantikanku sesudahku adalah 'Ali'"⁵⁷.

من لم يقل علي خير الناس فقد كفر

Terjemahan;

⁵¹ Muhammad 'Ajjaj al-Khatib, Dr. (1988), *op. cit.*, h. 196.

⁵² *Ibid.*, h. 197.

⁵³ *Ibid.*

⁵⁴ *Ibid.*, h. 195.

⁵⁵ Golongan *al-Rafidah* adalah golongan yang digelar sebagai *Syi'ah al-Imamiyyah*. Mereka digelar *al-Rafidah* kerana mereka menolak Sayyidina Abu Bakr sebagai Imam atau khalifah yang menggantikan urusan tadbir umat Islam setelah kewafatan Baginda s.a.w. Kelompok *Syi'ah al-Imamiyyah* ini merupakan kelompok yang paling ramai dianuti oleh pengikut Syi'ah. Pada masa ini, kelompok *Syi'ah al-Imamiyyah* ini merupakan mazhab yang dianuti oleh sepertiga daripada penduduk Iran. Mereka juga dikenali sebagai kelompok *Ithna 'Asyariyyah* kerana kepercayaan mereka terhadap imam yang dua belas iaitu: Sayyidina 'Ali b. Abi Talib, Hasan b. 'Ali, Husein b. 'Ali, 'Ali Zain al-'Abidin b. Husein, Muhammad al-Baqir b. 'Ali, Ja'far al-Sadiq b. Muhammad, Musa al-Kazim b. Ja'far, 'Ali al-Rida b. Musa, Muhammad al-Jawwad b. 'Ali, 'Ali b. Muhammad, Hasan al-'Askariy b. 'Ali, dan Muhammad b. Hasan. Untuk keterangan lanjut, sila rujuk Abi al-Hasan 'Ali b. Ismail, al-Asy'ariy, (1950), *Maqalat al-Islamiyyin wa Ikhtilaf al-Musallin*, Kaherah; Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah, cet. 1, h. 87; Muhammad Abu Zahrah (t.t), *Tarikh al-Madhahib al-Islamiyyah fi al-Siyasah wa al-'Aqa'id wa Tarikh al-Madhahib al-Fiqhiyyah*, Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabiyy, h. 47.

⁵⁶ *Ibid.*, h. 197.

⁵⁷ *Ibid.*

Terjemahan:

“Wahai Daud, sesungguhnya Kami telah menjadikan kamu khalifah (penguasa) di muka bumi, maka jalankanlah hukum di antara manusia dengan (hukum syari’at) yang benar (yang diwahikan kepadamu); dan jaganlah kamu menurut hawa nafsu, kerana yang demikian itu akan menyesatkanmu dari jalan Allah. Sesungguhnya orang-orang yang sesat dari jalan Allah, akan beroleh azab yang berat pada hari hitungan amal, disebabkan mereka melupakan (jalan Allah) itu”.

Surah al-Sad (38): 26.

Berfikir secara objektif juga menghendaki seseorang bersikap adil dan tidak bias dalam menentukan keabsahan sesuatu periwayatan hadith. Sikap adil sangat mustahak untuk dijemakan. Sikap ini akan mendorong seseorang untuk menyandarkan sesuatu hadith kepada sumbernya yang tepat dan hadith tersebut juga diyakini kedudukan tarafnya. Keadilan ini adalah sangat penting kerana ia mampu menzahirkan kebenaran, dan sikap bias yang diamalkan oleh sesetengah pihak akan menghalang tertonjolnya kebenaran tersebut. Rentetan daripada sikap bias yang diamalkan akhirnya akan melahirkan sikap fanatik atau taksub yang melampau terhadap mana-mana aliran atau puak. Sikap fanatik membuta tuli yang terdapat pada sesetengah pendokong sesuatu kumpulan atau aliran ini, tidak sewajarnya diamalkan ketika seseorang itu melakukan pentakhrijan hadith. Ini kerana ia bukan hanya membuatkan seseorang itu cenderung menyalahkan golongan-golongan yang lain yang berbeza pandangan dengannya, bahkan ia juga akan turut menyebabkan kebenaran yang hakiki itu terus disembunyikan lantaran sikap taksub yang menguasai dirinya.

Melalui kaedah pentakhrijan hadith yang dibuat dengan cara meneliti kedudukan sesuatu hadith dari sudut matan dan sanad, seseorang itu akan mampu menilai sesuatu hadith yang didakwa sebagai hujah bagi menyokong sesuatu pendapat atau prinsip yang diasaskan oleh pihak-pihak yang tertentu. Kaedah ini dapat dilakukan dengan merujuk kepada jenis-jenis hadith ataupun kedudukan hadith yang digunakan itu, sama ada ia termasuk di dalam kumpulan hadith-hadith yang *sahih*, *hasan* mahupun *da’if*. Pelaksanaan kaedah ini seterusnya akan mendedahkan taraf sesuatu hadith yang ditakhrijkan sekaligus boleh ditentukan sama ada ia sesuai untuk dijadikan hujah ataupun tidak. Misalnya, hadith-hadith yang didakwa sebagai sahih oleh pendokong aliran Syi’ah dan turut dijadikan sandaran hujah mereka untuk mengisbatkan bahawa Sayyidina Ali dan golongan *ahl al-bayt* sahaja yang layak menjadi pemimpin setelah kewafatan baginda s.a.w. Namun, setelah hadith-hadith tersebut ditakhrijkan, ternyata ia bertaraf *mawdu’* dan *matruk*⁶² di mana hadith-hadith seperti ini dikenali dalam kalangan para ilmuwan sebagai hadith yang tidak boleh dijadikan sandaran hujah sama sekali. Namun disebabkan sikap fanatik kepuakan yang wujud dalam diri pendokong golongan ini, mereka terus mendakwa bahawa mereka adalah berada di pihak yang benar dan mereka turut membenarkan kenyataan-kenyataan yang pada hakikatnya adalah palsu belaka.

Hakikatnya, sifat ini tidak langsung menguntungkan umat Islam, bahkan ia telah menyebabkan berlakunya perpecahan dan persengketaan sesama umat Islam disebabkan sikap taksub yang melampau tersebut. Sikap seperti ini juga mendorong aliran Syi’ah (misalnya) hanya akan menerima hadith-hadith yang diriwayatkan oleh perawi-perawi yang terdiri dari kalangan pengikut Syi’ah Imamiyyah yang adil menurut pandangan mereka⁶³. Adapun hadith-hadith yang diriwayatkan

⁶² Hadith *matruk* adalah hadith yang diriwayatkan oleh seorang perawi yang da’if secara bersendirian, di mana sebab keda’ifannya adalah tuduhan berdusta dalam periwayatan hadith, atau jelas kefasikannya dari sudut perkataan, perbuatan atau banyak terlupa atau cuai. Lihat Fauzi Deraman (2005), *Pengantar Usul al-Hadith*, Selangor: Penerbit Salafi, h. 146.

⁶³ Golongan Syi’ah telah menolak semua periwayatan yang dibuat oleh para sahabat melainkan periwayatan yang dibuat oleh beberapa orang sahaja di kalangan mereka. Al-Kulaini yang dianggap sebagai al-Bukhari oleh puak Syi’ah telah meriwayatkan di dalam *al-Rawdah Min al-Kafi*, jilid 8, halaman ke 245, bahawa para sahabat telah murtad sepeninggalan Nabi melainkan tiga orang daripada mereka iaitu Miqdad b. Aswad, Abu Zar al-Ghifari dan Salman al-Farisi. Rujuk Wan Zahidi b. Wan Teh, Datuk, (2009), *“Bahaya Syi’ah Kepada Aqidah*,

oleh perawi-perawi yang tidak termasuk dalam golongan Syi'ah Imamiyyah sekalipun riwayat tersebut bersambung sampai kepada Nabi Muhammad s.a.w., ia akan ditolak sama sekali. Ini adalah kerana, di sisi puak Syi'ah, riwayat yang dibawa oleh penganut mazhab selain Syi'ah tidak diperakukan sebagai *maqbul* (layak diterima)⁶⁴.

Pemikiran kritis juga amat menekankan aspek kemahiran membuat penilaian terhadap sesuatu perkara, bahkan aspek ini menjadi antara fokus utama pemikiran kritis. Kemahiran ini bukan sahaja ditekankan oleh *al-muhaddith* terdahulu dalam tradisi pengumpulan dan pembukuan hadith, bahkan ia juga turut ditekankan dalam aktiviti *takhrij al-hadith*. Sikap teliti dalam menilai sesuatu pernyataan yang dianggap sebagai hadith menjadi amalan utama para *al-muhaddith* terdahulu. Dalam proses penilaian ini, soal selidik atau penyiasatan perlu dibuat untuk mengenalpasti ketepatan sesuatu maklumat. Sebagai contoh, Ibn Syihab menceritakan daripada Qubasyah b. Zu'ayb, bahawa seorang nenek telah datang menemui Abu Bakr, lalu nenek tersebut menanyakan bahagian pusaka yang berhak dimilikinya. Lalu Abu Bakr r.a. berkata, "Saya mendapati tidak ada bahagian kamu di dalam *al-Qur'an* dan saya tidak tahu sama ada Rasulullah s.a.w ada memperuntukkan hak untuk kamu untuk mendapatkan apa-apa bahagian daripadanya". Lalu ia bertanya kepada orang ramai. Al-Mughirah kemudiannya telah bangun dan berkata: "Saya dengar bahawa Rasulullah s.a.w memberikan untuknya 1/6. Abu Bakr r.a. kemudiannya bertanya lagi, adakah orang lain yang turut mendengarnya seperti apa yang kamu dengar? Maka, Muhammad b. Maslamah kemudian memperakunya, lalu Abu Bakr pun memberikan hak sejumlah itu kepada nenek tersebut⁶⁵.

Begitulah kaedah yang digunakan oleh Sayyidina Abu Bakr r.a. bagi menilai dan memutuskan sama ada sesuatu perkhabaran itu benar-benar datangnya dari Rasulullah s.a.w ataupun tidak. Dalam proses untuk membuktikan ketepatan maklumat, beliau bertanyakan saksi yang boleh mengesahkan maklumat tersebut. Sikap yang sama juga telah ditunjukkan oleh Sayyidina 'Ali k.w di mana beliau dilaporkan pernah berkata; "Apabila saya mendengar hadith daripada Rasulullah s.a.w, Allah s.w.t memanfaatkannya kepada saya. Apabila orang lain yang menyampaikan kepada saya sesuatu hadith, saya akan minta agar ia bersumpah. Setelah ia bersumpah, barulah saya membenarkan hadith tersebut"⁶⁶.

Kemahiran membuat penilaian yang ditekankan dalam aktiviti *takhrij al-hadith* juga dapat dilihat menerusi kaedah yang digunakan oleh *al-muhaddith* dalam menilai sesuatu hadith. Untuk maksud menilai ketepatan maklumat tentang sesuatu hadith, penilaian secara menyeluruh dibuat oleh mereka terhadap jaringan para perawi yang terlibat dalam meriwayatkan sesuatu hadith. Kaedah ini sekaligus memperlihatkan bahawa mereka juga bersikap reflektif dan kritikal dalam menilai sesuatu periwayatan hadith. Ini adalah kerana, di antara taktik yang digunakan oleh golongan-golongan yang sering memalsukan hadith adalah dengan menyembunyikan identiti, perwatakan dan latar belakang sebenar seseorang perawi⁶⁷. Penilaian yang menyeluruh terhadap seseorang perawi perlu dilakukan merangkumi data-data biografinya seperti nama penuh, tarikh dan tempat lahir dan wafat, dan juga latar belakang kehidupannya. Aspek ini penting untuk diberi perhatian agar seseorang perawi itu dapat dikenalpasti latar belakang keperibadiannya sama ada ia tergolong dari kalangan perawi yang *thiqah* ataupun *matruk*. Hal ini seperti yang telah dinyatakan oleh Mohd Hasyim Kamali seperti berikut:

"By gathering all the hadith on a certain subject and other data relating to time, place and particular individuals and then carefully

Syariah, Akhlak, Ummah dan Negara", (Kertas kerja Seminar Perkembangan Pemikiran Islam Semasa, 7 Ogos 2009), anjuran Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

⁶⁴ Abdul Hayei Abdul Sukor, Dr (1995). "Hadith Sahih dan Mutawatir: Satu Perbandingan Antara Sunni dan Syi'ah Imamiyyah", *Jurnal Usuluddin*, Bil. 02; 91-92.

⁶⁵ Muhammad 'Ajjaj al-Khatib, Dr. (1999), *op. cit.*, h. 147.

⁶⁶ *Ibid.*, h. 153

⁶⁷ Ismail Abdullah, Dr., "The Application of Critical Thinking in the Process of Jarh wa Ta'dil (Impugnment and Validation) of the Prophetic Hadith", International Conference on Creative and Critical Thinking From Islamic Perspectives, 14-15 Disember 2005, International Islamic University Malaysia, h. 103.

*comparing the relevant parts with one another, the 'ulama' were able to evaluate the accuracy of hadith and reliability of their reporters"*⁶⁸.

Selain daripada itu, proses penilaian dalam *takhrij al-hadith* juga dilakukan secara menyeluruh bagi mengenalpasti kedudukan sebenar sesuatu hadith. Sebagai contoh, ulama yang terlibat dalam aktiviti *takhrij al-hadith*, tidak hanya akan melihat aspek sandaran sesuatu hadith sahaja, bahkan mereka juga akan meneliti hadith tersebut dari sudut *riwayah* dan *dirayahnya*. Ini termasuk penelitian terhadap *rijal-rijal* atau perawi-perawi yang terlibat dalam meriwayatkan sesuatu hadith. Sikap ini sebenarnya akan mengelakkan seseorang itu daripada bersikap jumud atau semata-mata bertaklid terhadap apa yang telah disampaikan oleh guru-gurunya, sama ada melalui penulisan ataupun menerusi percakapan secara langsung di antaranya dengan para gurunya⁶⁹.

Di dalam menilai keaslian dan kesahihan sesuatu hadith, para ulama tidak hanya menggunakan metodologi kritikan sanad dan matan, tetapi ia juga membuat penilaian dan analisis dengan melihat dari aspek metode periwayatan. Metode ini dikenali sebagai '*ilm al-tahamul wa al-ada*'. Ia merangkumi metode *al-sama'*: metode mendengar hadith secara langsung, metode *al-qira'ah*: membaca hadith di hadapan guru, metode *al-ijazah*, iaitu keizinan yang diberikan oleh guru kepada muridnya untuk meriwayatkan hadith yang dimilikinya untuk mengajarkannya kepada orang lain, metode *al-munawalah*, iaitu guru menyampaikan kitab atau manuskrip atau rekod-rekod yang diperolehinya dari sumbernya sendiri, metode *al-mukatabah*, iaitu menulis hadith untuk diberikan kepada orang lain agar ia dapat diriwayatkan, dan metode *al-i'lam*, iaitu pemberitahuan tentang sesuatu hadith tanpa menyatakan sama ada orang yang diberitahu itu boleh meriwayatkan hadith tersebut atau tidak⁷⁰.

Kesimpulan

Setelah diteliti secara mendalam berhubung kaedah-kaedah yang telah digunakan oleh para ulama dalam mentakhrij sesuatu hadith, ternyata bahawa beberapa kemahiran yang telah ditekankan dalam 'kemahiran berfikir secara kritis' seperti kemahiran menganalisis, kemahiran berfikir secara objektif dan kemahiran membuat penilaian wujud dalam aktiviti *takhrij al-hadith*. Ini juga telah memperlihatkan bahawa konsep pemikiran kritis juga turut menyumbang dalam proses pemeliharaan khazanah penting Islam iaitu *al-Hadith* daripada sebarang pengubahan atau pemalsuan.

Walaupun pada hakikatnya pemikiran kritis ini bersumberkan pemikiran rasional (*rational activities*), namun objektifnya tetap untuk mencari kebenaran. Aspek pemikiran yang terbit daripada akal yang dipimpin oleh wahyu adalah merupakan satu ciri istimewa yang terdapat hanya pada umat Islam. Oleh sebab itu, ia perlu dimanipulasikan sebaik mungkin terutama dalam menghasilkan faedah serta manfaat yang mampu memelihara agama daripada ancaman serta serangan yang dilakukan oleh pihak yang memusuhinya sama ada dari dalam mahupun luar. Ini adalah sejajar dengan elemen pemikiran kritis yang terkandung dalam '*ilm takhrij al-hadith* seperti mana yang telah dibincangkan sebelum ini. Ringkasnya, penjaan pemikiran kritis menerusi disiplin '*ilm takhrij al-hadith* diharapkan bukan sahaja dapat menyumbang dalam memastikan *validity* serta autoritatif hadith-hadith terus terpelihara, bahkan juga diharapkan dapat menjadi satu alternatif yang signifikan dalam usaha menghapuskan hadith-hadith palsu yang terdapat di dalam khazanah ilmu Islam.

⁶⁸ Mohd Hashim Kamali (2002), *op.cit.*, h. 116.

⁶⁹ Lihat Siti Khairiah bt. Parmin (2007), *Pemikiran Kritis Islam: Analisis Terhadap Pendekatan al-Muhaddithun dalam Penerimaan Hadith*, Disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h. 109-116; lihat juga Ibn al-Solah, Abi 'Amr Uthman b. Abd al-Rahman (1972), '*Ulum al-Hadith li Ibn al-Salah*, al-Madinah al-Munawwarah: al-Maktabah al-Ilmiyyah, cet. 3, h. 114.

⁷⁰ *Ibid.*

